Bagaimana jika aku menunaikan solat yang diwajibkan, berpuasa pada bulan Ramadan, menghalalkan yang halal dan mengharamkan yang haram

Daripada Jabir رضي الله عنه: "Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah صلى الله عليه وسلم, lalu bertanya: Bagaimana jika aku menunaikan solat yang diwajibkan, berpuasa pada bulan Ramadan, menghalalkan yang halal dan mengharamkan yang haram dan tidak menambah lebih daripada itu, adakah aku akan masuk syurga? Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: «Ya.» Lelaki itu berkata: “Demi Allah, aku tidak akan menambah lebih daripada itu."

[صحيح] [رواه مسلم]

Rasulullah صلى الله عليه وسلم menjelaskan bahawa sesiapa yang menunaikan solat lima waktu yang diwajibkan tanpa menambah sebarang solat sunat, berpuasa pada bulan Ramadan tanpa puasa sunat, meyakini kehalalan perkara yang halal dan melakukannya serta meyakini keharaman perkara yang haram dan menjauhinya, maka dia akan masuk syurga.

http://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65003